

‘Perancangan Muhyiddin lebih berkesan’

Calon Perikatan Nasional (PN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Senggarang, Khairul Faizi Ahmad Kamil menyifatkan perancangan yang dibuat oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin sewaktu menjawat jawatan Perdana Menteri dilihat berkesan sehingga hari ini.

Khairul Faizi turut memberikan contoh bagaimana kerajaan PN sewaktu pimpinan Muhyiddin menggesa rakyat Malaysia divaksin dan perancangan pelbagai jenis bantuan yang diberikan oleh kerajaan sebelum ini.

“Bagaimana kaedah beliau menangani, walaupun pada masa itu timbul kononnya kerajaan gagal dan tidak berjaya dengan kes Covid-19 pada masa itu agak tinggi.

“Tetapi kita tidak melihat itu sebagai gagal sebab ia adalah fenomena yang kita hadapi ketika itu. Istilah gagal tidak boleh kita guna walaupun ada kelompok-kelompok sebelum ini gunakan perkataan gagal semasa pemerintahan beliau.

“Bagi kita, itu adalah fenomena yang perlu kita hadapi dan tangani bersama,” katanya kepada *Sinar*

Di bawah pemerintahan

Muhyiddin, rakyat diminta untuk mengambil vaksin Covid-19. Selain itu, antara bantuan yang diumumkan beliau bagi membantu rakyat berdepan penularan wabak Covid-19 adalah seperti Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) dan pakej bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Permai).

Pada 2 Mac, bekas Perdana Menteri itu kemudiannya melancarkan Ikrar PN Untuk Johor, manifesto gabungan tersebut untuk Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor dengan slogan ‘Demi Bangsa Johor’.

Muhyiddin berkata, PN menyediakan ikrar berteraskan lapan tunjang utama, berpacuan 24 strategi dan berlandaskan 145 pendekatan.

Mengulas lanjut, Khairul Faizi berpendapat dengan ikrar yang dilancarkan oleh Muhyiddin itu, calon PN bersedia untuk menjadikan agenda rakyat sebagai agenda utama.

“Rakyat menjadi tumpuan kita. Segala bentuk permasalahan rakyat, menjadi keutamaan kita.

“Dalam masa yang sama, untuk mencapai hasrat membantu rakyat kita letakkan integriti itu sebagai perkara yang

paling utama dalam kerajaan PN yang kita akan bentuk pada masa akan datang,” ujarnya.

Menyentuh mengenai pemberian bantuan yang diberikan menerusi bajet, Khairul Faizi menyifatkan pemerintahan pada waktu itu sangat kritikal sehingga menyebabkan kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja yang besar.

“Dengan pelbagai dana yang telah disalurkan kepada rakyat dengan pelbagai pakej. Pada masa itu adalah masa yang sangat kritikal.

“Ada yang menghadapi tekanan perasaan kerana tidak boleh keluar rumah dan ada yang tidak dapat berjumpa dengan keluarga dalam tempoh yang panjang,” jelasnya.

Khairul Faizi juga berpandangan sewaktu Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menggantikan Muhyiddin menjadi Perdana Menteri, keadaan ekonomi negara sudah semakin pulih.

“Kalau kita lihat hari ini, tak ada isu orang sudah tidak boleh keluar kerja dan hilang kerja (sebelum ini), sebahagiannya sudah mendapat kerja.

“Ketika ini kita tidak mendengar orang kena buang kerja kerana ekonomi sudah berjalan,” tambahnya.